

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN KELANTAN BILANGAN 9 TAHUN 1977

KELEWATAN MEMPROSES UNTUK MENDAPAT KELULUSAN BAGI MENGGADAI TANAH-TANAH DI BAWAH SEK: 13A ENAKMEN RIZAB MELAYU TAHUN 1930 DAN DI BAWAH BAB 104 UNDANG-UNDANG TANAH KELANTAN TAHUN 1938 MAKSUD PINJAMAN WANG DARI BANK-BANK PERNIAGAAN

M.M.K yang bersidang pada 13.11.1975 telah menimbulkan masalah kelewatan dalam mendapat kelulusan MMK untuk menggadai tanah-tanah bagi maksud sesuatu pinjaman dari bank-bank perniagaan yang tidak diwartakan di bawah Jadual D dan di bawah Jadual 26A Undang-undang yang tersebut di atas. Masalah ini telah ditimbulkan pula kali yang kedua pada 26.8.1976 dan Majlis berharap supaya diambil langkah-langkah untuk mempercepatkan proses bagi mendapat kelulusan MMK bagi permohonan-permohonan yang berkenaan.

2. M.M.K kali yang ke 4/77 yang bersidang pada 1.3.1977 telah sekali lagi membangkit tentang adanya kelambatan untuk mendapat kelulusan bagi mencagar tanah-tanah kepada Bank bagi maksud sesuatu pinjaman. Di dalam sidangnya pada 17.4.1977 MMK, selepas menimbang kertas Bil: 7/383/77/(37) telah membuat keputusan sebagai dasar kerajaan bahawa permohonan dan kertas MMK untuk mendapat timbangan dan kelulusan bagi menggadai tanah untuk sesuatu pinjaman wang dari Bank Perniagaan (yang tidak diwartakan di bawah Jadual D dan Jadual 26A Undang-undang yang tersebut di atas) hendaklah diangkat untuk mendapat kelulusan YAB Dato' Menteri Besar atau Timbalan Menteri Besar sahaja kerana MMK telah bersetuju menurunkan kuasanya kepada YAB Dato' MB/TMB bagi menimbang dan meluluskan permohonan-permohonan itu dengan tujuan supaya proses untuk mendapat kelulusan bagi menggadai tanah-tanah di bawah sek:13A Enakmen Rizab Melayu tahun 1930 dan di bawah bab 104

Undang-undang tanah Kelantan tahun 1938 bagi maksud pinjaman wang dari bank-bank perniagaan dapat dipercepatkan lagi.

3. Sungguhpun Rang Kertas MMK yang berkenaan tidak perlu lagi diangkat untuk kelulusan MMK tapi PHT hendaklah menyediakan Rang Kertas MMK seperti biasa dan diangkat melalui Pejabat PTG dalam fail yang berkenaan. Melalui pekeliling ini adalah diharapkan tempoh memproseskan permohonan ini akan dapat dikurangkan dari 3 atau 4 bulan kepada selewat-lewatnya 23 hari sahaja bagaimana dalam Jadual Kerja dalam **Lampiran 'A'** yang berkembar.

4. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama dengan arahan PTG Bil.1/77 yang telah dikeluarkan pada 1hb.Februari, 1977.

Saya yang menurut perintah,

t.t

(Mohd Tajol Aros bin Ahmad)

Pengarah Tanah Dan Galian
Kelantan

KEPADA:

Semua P.H.T dan Penolong P.H.T Kelantan.
Ketua Jajahan Kecil, Gua Musang.

SALINAN KEPADA:

Y.B Dato' Setiausaha Kerajaan, Kelantan.

Y.B Dato' Pegawai Kewangan Negeri, Kelantan.

Y.B. Tuan Penasihat Undang-Undang Negeri, Kelantan

Juru Odit Negeri Kelantan

Pengarah Ukur Negeri Kelantan

Pengarah L.K.T.N Kelantan.

Ketua Rancangan Penyelesaian Tanah Kelantan

Pegawai Tadbir & Pegawai Pasukan Petugas Pejabat PTG

PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN

KELANTAN, KOTA BHARU

FAIL : PTG.(KN) 1976(7)

KOTA BHARU : 30HB. JUN 1977

LAMPIRAN 'A'

**TINDAKAN UNTUK MENCEPATKAN PERMOHONAN
GADAIAN TANAH KEPADA BANK**

<u>Pegawai</u>	<u>Tindakan</u>	<u>Tempoh</u>
PHT	1. Terima permohonan, daftar fail dan Akuan terima permohonan	- 1 hari
	2. Menghalusi Hakmilik dan Menyedia Rang Kertas MMK	- 2 hari
	3. Dalam perjalanan.	- 2 hari
		<hr/> 5 hari
PTG	1. Terima fail dari PHT dan Masuk Rekod	- 1 hari
	2. Menyemak kertas MMK dan terus hantar fail kepada SUMB	- 1 hari
		<hr/> 2 hari
SUMB/KMMK	1. Terima fail dari PTG & masuk rekod	- 1 hari
	2. Angkat fail bagi timbangan YAB/Dato' MB/YB.TMB.	- 1 hari
		<hr/> 2 hari
YAB MB/TMB	1. Dalam pertimbangan YAB Dato' MB	- 1 hari
		<hr/> 1hari
SUMB/KMMK	1. Menyediakan Sijil & Menghantar Kepada Dato' SUK	- 1 hari
	2. Dalam perjalanan	- 1 hari
		<hr/> 2 hari
Dato' SUK	1. Menanda Tangan Sijil	- 1 hari
	2. Menghantar kepada SUMB	- 1 hari
		<hr/> 2 hari

SUMB/KMMK	1. Menghantar Balik Kepada PTG terus	-	1 hari
	2. Dalam perjalanan	-	1 hari
			<hr/> 2 hari <hr/>
PTG	1. Terima Fail dari SUMB & Masuk Rekod	-	1 hari
	2. Menghantar kepada PHT & Dalam Perjalanan.	-	2 hari
			<hr/> 3 hari <hr/>
PHT	1. Terima balik fail dari PTG	-	1 hari
	2. Beritahu Pemohon	-	1 hari
	3. Dalam perjalanan	-	1 hari
			<hr/> 3 hari <hr/>